

4 pendekatan bina hubungan bermakna Saifuddin di Kedah

● Pendekatan Saifuddin sepanjang Ramadan boleh dianalisis secara sistematik melalui empat kerangka teori utama dalam sains politik, iaitu *retail politics*, *symbolic politics*, *political socialisation* dan *party institutionalisation*

● Apa menjadikan pendekatan Saifuddin menarik ialah integrasi empat dimensi ini dalam satu kerangka koheren, menghasilkan satu bentuk mobilisasi politik tidak bersifat konfrontatif, tetapi berlapis dan berjangka panjang

Oleh Prof Madya Dr Mashitah Mohd Udin
bhrencana@bh.com.my



Pengarah Institut Analisis Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Pelantikan Datuk Seri Saifuddin Nasion Ismail sebagai Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kedah pada 7 Februari 2025, disusuli pelantikannya sebagai Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) PKR Kedah pada 31 Julai 2025, meletakkan Menteri Dalam Negeri itu dalam kedudukan sangat penting untuk menyusun semula hala tuju politik pembangkang di negeri itu.

Dalam konteks Kedah yang dikuasai Perikatan Nasional (PN), pendekatan politik konvensional berasaskan retorik semata-mata didapati tidak mencukupi.

Justeru, Ramadan lalu dimanfaatkan sebagai ruang strategik untuk melaksanakan bentuk mobilisasi politik yang lebih halus, bersifat sosial dan berorientasikan pembinaan hubungan jangka panjang dengan rakyat.

Pendekatan Saifuddin sepanjang Ramadan boleh dianalisis secara sistematik melalui empat kerangka teori utama dalam sains politik, iaitu *retail politics*, *symbolic politics*, *political socialisation* dan *party institutionalisation*.

Empat kerangka ini saling melengkapi dalam menjelaskan bagaimana aktiviti kelihatan bersifat kebajikan dan keagamaan sebenarnya membentuk struktur sokongan politik lebih mendalam.

Konsep *retail politics* merujuk kepada pendekatan politik menekankan interaksi langsung antara pemimpin dan pengundi pada skala kecil, bersifat peribadi dan tidak berjarak.

Dalam kes Saifuddin, pendekatan ini dapat dilihat melalui aktiviti ziarah rumah ke rumah, pertemuan santai dengan penduduk kampung, interaksi bersama pelajar serta kehadiran di bazar Ramadan dan komuniti setempat.

Berbeza dengan pendekatan *wholesale politics* bergantung kepada kempen besar dan media massa, *retail politics* berfungsi membina kepercayaan secara organik melalui pengalaman langsung rakyat dengan pemimpin.

Dalam konteks Kedah yang mempunyai struktur sosial masih kuat berasaskan komuniti tempatan, pendekatan ini mempunyai nilai strategik tinggi. Apabila Saifuddin sendiri menyatakan kesusahan rakyat perlu dilihat dan didengar secara langsung, beliau sedang mengoperasikan prinsip asas *retail politics* iaitu kehadiran fizikal sebagai sumber legitimasi politik.

Implikasinya, pendekatan ini berpotensi mengurangkan jurang persepsi antara PH dan pengundi luar bandar yang sebelum ini mungkin melihat parti tersebut sebagai terluar elit atau jauh dari realiti kehidupan harian.

Teori *symbolic politics* menekankan tindakan politik sering berfungsi bukan hanya melalui kesan material, tetapi melalui makna simbolik dibawanya.

Saifuddin memanfaatkan simbolisme ini melalui pelbagai aktiviti seperti berbuka puasa bersama kariah masjid, program ihya' Ramadan di sekolah, sahur bersama anggota keselamatan serta terbahit dalam aktiviti komuniti berasaskan agama.

Penghayatan nilai melalui tindakan

Pendekatan ini tidak bersifat retorik keagamaan secara eksplisit, tetapi lebih kepada penghayatan nilai melalui tindakan. Dalam konteks politik Kedah sangat dipengaruhi identiti Melayu-Islam, strategi ini membolehkan PH menyesuaikan dirinya dengan landskap budaya tempatan tanpa perlu bersaing secara langsung dalam retorik keagamaan lebih keras.

Selain itu, program seperti Pelepasan MADANI Yakin yang memberi peluang kedua kepada banduan turut membawa simbolisme kuat berkaitan kemaafan dan pemulihan, selari dengan semangat Aidilfitri. Ini memperluaskan dimensi *symbolic politics* daripada sekadar ritual kepada nilai moral lebih luas.

Pendekatan Saifuddin juga boleh difahami melalui lensa *political socialisation*, iaitu proses individu membentuk sikap, nilai dan orientasi politik melalui interaksi sosial dan pengalaman hidup.

Program seperti Kongsi Rezeki bersama pengan-



Saifuddin beramah mesra bersama orang ramai pada Program Penerapan Nilai-Nilai Murni dan Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negeri Kedah 2026 di Kulim, baru-baru ini. (Foto BERNAMA)

tar makanan adalah contoh jelas bagaimana aktiviti kebajikan boleh berfungsi sebagai agen sosialisasi politik.

Program ini mengubah rakyat daripada penerima pasif kepada agen aktif, membentuk nilai solidariti dan tanggungjawab sosial serta mengaitkan pengalaman kebajikan dengan kepemimpinan politik tertentu.

Dalam jangka panjang, proses ini boleh menghasilkan perubahan orientasi politik yang lebih mendalam berbanding kempen pilihan raya jangka pendek.

Walaupun banyak aktiviti Saifuddin sepanjang Ramadan bersifat sosial, elemen *party institutionalisation* tetap jelas melalui program politik dilaksanakan secara serentak.

Konvensyen PKR Kedah 2026 pada 13 Februari menjelang Ramadan, dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi instrumen penting memperkukuh institusi parti.

Konvensyen itu berfungsi menyatukan kepimpinan dan akar umbi dalam satu naratif bersama, menegaskan hala tuju parti sebagai kerajaan menunggu selain menghantar isyarat kekuatan kepada pihak lawan dan pengundi.

Apa yang menjadikan pendekatan Saifuddin menarik ialah integrasi empat dimensi ini dalam satu kerangka koheren, menghasilkan satu bentuk mobilisasi politik tidak bersifat konfrontatif, tetapi berlapis dan berjangka panjang.

Dari perspektif analitik, pendekatan ini berpotensi mencerahkan peluang PH di Kedah menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) atas beberapa sebab.

● Pertama, ia menangani kelemahan tradisional PH dalam aspek hubungan akar umbi dan penerimaan dalam komuniti Melayu-Islam.

● Kedua, ia membina kepercayaan melalui pengalaman langsung.

● Ketiga, ia memperkukuh organisasi parti menjadi faktor kritikal dalam sistem pilihan raya berasaskan kawasan seperti di Malaysia.

Walaupun strategi ini tidak menjamin kemenangan segera, ia berpotensi menjadi asas penting kepada pemulihan kekuatan PH di Kedah. Dalam landskap politik semakin kompleks, pendekatan menekankan hubungan manusia, nilai simbolik, pembentukan sikap dan pengukuhan organisasi seperti ini mungkin menjadi faktor penentu dalam menentukan arah sokongan pengundi menjelang PRU16.

Keberkesanan strategi ini masih bergantung kepada beberapa faktor luaran. Dominasi PN di Kedah, pengaruh sentimen nasional serta isu kos sara hidup boleh mengehadkan impak pendekatan ini jika tidak disertai dengan naratif ekonomi meyakinkan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH